



Fakulti Bahasa dan Komunikasi

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2022

PROJEK TAHUN AKHIR

Semester 2, 2021/2022

Laras Bahasa Agama : Satu Kajian Leksikal

dan Morfologi

| Nama | Matrik | Tandatangan |
|---------------------------------------|---------------|-------------------------|
| Khazmimi Fatimah binti Ibrahim | 70083 | <i>Khazmimi Fatimah</i> |

Tarikh penghantaran:

6 Jun 2022

Markah Keseluruhan:

PENGISYTIHARAN KEASLIAN KERJA

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Sila tandakan (√)
Projek Tahun Akhir
Sarjana
PhD

| |
|---|
| √ |
| |
| |

PENGAKUAN KEASLIAN HASIL KERJA

Perakuan ini telah dibuat pada 2 Jun 2022.

Pengakuan Pelajar:

Saya Khazmimi Fatimah binti Ibrahim, 70083, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (NAMA PELAJAR, NO MATRIK, FAKULTI) dengan ini mengisytiharkan bahawa kerja bertajuk Laras Bahasa Agama: Satu kajian leksikal dan Morfologi.(TAJUK KAJIAN) adalah kerja saya yang asli. Saya tidak meniru dari mana-mana hasil kerja pelajar yang lain atau dari mana-mana sumber lain kecuali dengan menyatakan sumber rujukan sewajarnya atau pengakuan telah dinyatakan dengan jelas dalam teks, dan tidak mempunyai mana-mana bahagian ditulis untuk saya oleh orang lain.

6 JUN 2022

KHAZMIMI FATIMAH BINTI IBRAHIM(70083)

Tarikh serahan

Nama pelajar (No. matrik)

Pengesahan Penyelia:

Saya Salbia binti Hassan (NAMA PENYELIA) dengan ini memperakui bahawa hasil kerja bertajuk Laras Bahasa Agama : Satu Kajian Leksikal dan Morfologi (TAJUK) telah disediakan oleh pelajar yang bernama di atas, dan telah diserahkan kepada " FAKULTI " sebagai * memenuhi sebahagian/penuh bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Linguistik) dengan kepujian (NYATAKAN IJAZAH), dan kerja yang dinyatakan di atas, sepanjang pengetahuan saya, adalah hasil kerja pelajar tersebut.

Diterima untuk pemeriksaan oleh:

Tarikh: 6 Jun 2022

Salbia binti Hassan

(Nama penyelia)

Saya mengaku bahawa Projek/Tesis diklasifikasikan sebagai (Sila tandakan (✓)) :

SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Pengesahan Projek / Tesis

Oleh itu, saya mengaku dan mengesahkan dengan sewajarnya dengan kebenaran dan kerelaan bahawa Projek/Tesis ini hendaklah diletakkan secara rasmi di Pusat Khidmat Maklumat Akademik dengan kepentingan undang-undang dan hak-hak seperti berikut:

- Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan Projek/Tesis bagi pertukaran akademik antara Institut Pengajian Tinggi.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- Tiada pertikaian atau apa-apa tuntutan yang dibuat sama ada oleh pelajar itu sendiri atau pihak ketiga terhadap Projek/Tesis ini apabila telah menjadi hak milik UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.
- Mana-mana bahan, data dan maklumat yang berkaitan dengan Projek/Tesis ini, tidak dibenarkan diedar, diterbit atau didedahkan kepada mana-mana pihak oleh pelajar melainkan dengan kebenaran UNIMAS.

Tandatangan Pelajar:

Khazmini

6 Jun 2022

(Tarikh)

Tandatangan Penyelia:

Salbia binti Hassan

6 Jun 2022

(Tarikh)

Alamat semasa pelajar:

Universiti Malaysia Sarawak, Jalan Datuk Mohammad Musa, 94300. Kota Samarahan,
Sarawak.

Nota: *Jika Projek/Tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan bersama-sama surat daripada organisasi beserta sebab dan tempoh kerahsiaan dan sekatan.

[Instrumen ini disediakan oleh Pusat Khidmat Maklumat Akademik]

Abstrak

Kajian yang bertajuk “Laras Bahasa Agama : Satu Kajian Leksikal dan Morfologi” ini akan meneliti penggunaan leksikal dan morfologi berdasarkan Buku Muhammad Insan Paling Sempurna Pernah Dilahirkan (MIPSPD) karya Kamilin Jamilin (2020). Laras sesuatu bahasa dapat ditentukan melalui pemilihan leksikal yang menyentuh bidang yang dibincangkan. Objektif dalam pelaksanaan kajian ini adalah untuk mengenal pasti leksikal laras bahasa agama dalam buku MIPSPD dan menganalisis laras bahasa agama dari aspek morfologi menggunakan Teori Leech & Short (1981).

Kajian ini akan memfokuskan kepada pembentukan kata iaitu kata tunggal, kata terbitan imbuhan awalan, kata ganda tanpa imbuhan dan kata majmuk. Penelitian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif dengan analisis teks MIPSPD. Berdasarkan kajian, terdapat empat kategori dalam Leech dan Short (1981) iaitu dari segi leksikal, tatabahasa, keindahan bahasa dan ketenunan dan konteks. Namun menerusi kajian yang dibuat ini, pengkaji mendapati bahawa hanya aspek leksikal dan tatabahasa sahaja difokuskan. Terdapat beberapa leksikal laras bahasa agama yang ditemui dalam buku MIPSPD bagi menjawab objektif yang pertama dan kemudian dipecahkan mengikut pembentukan kata bagi menjawab objektif yang kedua. Data kajian adalah berdasarkan buku Muhammad insan paling sempurna pernah dilahirkan yang diterbitkan pada tahun 2020. Kajian yang berbentuk kualitatif deskriptif ini akan menggunakan teori Leech dan Short (1981) yang menggariskan 4 aspek untuk dilihat dalam laras bahasa iaitu leksikal, tatabahasa, keindahan bahasa serta ketenunan serta konteks. Hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa wujud leksikal-lekasikal laras bahasa. Analisis berkaitan dengan pembentukan laras bahasa agama telah diselaraskan mengikut Teori Leech dan Short (1981).

Kata kunci : laras bahasa, leksikal, morfologi, Teori Leech dan Short (1981).

Abstract

This study entitled “Laras Bahasa Agama: A lexical and Morphological study” will examine the use of lexical and morphology based on the Book of Muhammad the most perfect human being ever born (MIPSPD) by Kamilin Jamilin (2020). The suitability of language can be determined through the selection of terms that touch on the field under discussion. The objective of this study to identify the lexical of religious language in the book MIPSPD and analyze the adjustment of religious language from the aspect of morphology using Leech and Short Theory (1981). This study will focus on word formation likes singular words, affixes focus on prefix, double words without affixes and compound words. This study uses a descriptive qualitative approach with MIPSPD text analysis. Based on the study, there are four categories in Leech and Short (1981) namely in terms of lexical, grammar, language beauty and weaving and context. However, through this study, the researcher found that only the lexical and grammatical aspects are focused. There are several lexical adjustment of religious language found in MIPSPD to fulfill the first objective and then broken down according to word formation to answer the second objective. The research is based on the book Muhammad the most perfect human being ever born published in 2020. The descriptive qualitative study use the theory of Leech and Short (1981) which 4 aspects in the language barrel, namely lexical, grammar, language beauty and weaving as well as context. The results of the study shows that there are language adjustable lexical items. The analysis related to the formation of religious language barrel has been adjusted according to the Theory of Leech and Short (1981).

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala syukur dan pujian ke hadrat Allah S.W.T. atas limpah rahmat dan kurnia-Nya sepanjang perjalanan sarjana muda sehingga selesai penulisan ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. serta keluarga dan para sahabat baginda.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Malaysia Sarawak dan Fakulti Bahasa dan Komunikasi kerana memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pengajian ijazah sarjana muda di institusi ini.

Seterusnya, penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia, Dr Salbia bin Hassan atas tunjuk ajar, nasihat dan bantuan yang diberikan dari awal sampai akhir penulisan ini. Terima kasih juga diucapkan kepada seluruh warga pendidik Fakulti Bahasa dan Komunikasi atas curahan ilmu yang telah diberikan sehingga saya dapat mengadaptasikan apa yang dipelajari dalam kajian ini.

Teristimewa buat keluarga saya, ibu, adik-beradik dan keluarga atas doa, semangat serta pendokong utama kepada saya. Tidak lupa juga kawan-kawan mahupun individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang penulisan ini. Semoga Allah sahaja yang membalas semuanya.

ISI KANDUNGAN

| Perkara | Halaman |
|--|----------------|
| TAJUK | |
| PENGISYTIHARAN PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN | I-IV |
| ABSTRAK | V |
| ABSTRACT | VI |
| PENGHARGAAN | VII |
| ISI KANDUNGAN | VIII-X |
| SENARAI RAJAH | XI |
| SENARAI JADUAL | XII |
| SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN KATA | XIII |
| | |
| BAB 1: PENGENALAN | |
| 1.0 Pendahuluan | 1 |
| 1.1 Latar Belakang Kajian | 1-2 |
| 1.2 Masalah Kajian | 2-3 |
| 1.3 Tujuan dan Objektif Kajian | 3 |
| 1.4 Definisi Operasional Terma | 4 |
| 1.4.1 Leksikal | 4 |
| 1.4.2 Laras bahasa agama | 4-5 |
| 1.4.3 Morfologi | 5 |
| 1.4.4 Teori Leech dan Short (1981) | 5-6 |
| 1.5 Kepentingan kajian | 6 |
| 1.6 Rumusan | 7 |

BAB 2: SOROTAN KAJIAN

| | |
|---------------------------|--------|
| 2.0 Pendahuluan | 8 |
| 2.1 Tinjauan Kajian Lepas | 8-15 |
| 2.2 Ringkasan | 15- 20 |

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

| | |
|---|--------|
| 3.0 Pendahuluan | 21 |
| 3.1 Reka Bentuk Kajian | 21- 22 |
| 3.2 Data Kajian | 22 |
| 3.3 Instrumen Kajian | 22- 23 |
| 3.4 Mengumpul Maklumat atau Data | 23 |
| 3.5 Analisis Data | 24 |
| 3.5.1 Leksikal Laras Bahasa Agama Dalam buku MIPSPD | 24-25 |
| 3.5.2 Analisis Morfologi mengikut Teori Leech dan Short (1981) | 25-28 |
| 3.6 Batasan Kajian | 28-29 |
| 3.7 Kesimpulan | 29 |

BAB 4 : DAPATAN DAN PERBINCANGAN

| | |
|--|-------|
| 4.1 Pendahuluan | 30 |
| 4.2 Leksikal Laras Bahasa Agama dalam buku MIPSPD | 30-32 |
| 4.3 Analisis Morfologi mengikut Teori Leech dan Short (1981) | 32-44 |
| 4.3.1 Kata Tunggal | 44-47 |

| | |
|---------------------------------------|-----------|
| 4.3.2 Kata Terbitan | 47-50 |
| 4.3 3 Kata Ganda | 50-53 |
| 4.3.4 Kataa Majmuk | 53-58 |
| 4.4 Kesimpulan | 58 |
| BAB 5 : KESIMPULAN | |
| 5.0 Pendahuluan | 59 |
| 5.1 Ringkasan | 59-62 |
| 5.2 Implikasi Dapatan Kajian | 63 |
| 5.3 Hala Tuju Kajian Yang Akan Datang | 63-64 |
| RUJUKAN | 65-69 |
| LAMPIRAN | 70-75 |

SENARAI RAJAH

| No Rajah | Rajah | Halaman |
|-----------------|----------------------|----------------|
| Rajah 1 | Analisis Data MIPSPD | 24 |

SENARAI JADUAL

| No. Jadual | Jadual | Halaman |
|-------------------|--|----------------|
| Jadual 1 : | Senarai leksikal Laras Bahasa Agama dalam buku MIPSPD | 25 |
| Jadual 2 : | Aspek Tatabahasa dalam MIPSPD | 26 |
| Jadual 3: | Senarai Leksikal Laras Bahasa Agama dalam buku MIPSPD | 31 |
| Jadual 4: | Aspek Tatabahasa dalam MIPSPD | 44 |

SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN KATA

| | |
|--------|--|
| et. al | Et alia(dan lain-lain) |
| KIAM | Kamus Idris Al- Marbawi |
| MIPSPD | Muhammad Insan Paling Sempurna Pernah Dilahirkan |
| PIT | Pengantar Ilmu Terekat |
| PRR | Pendidikan rapat rohaniah |
| SMIM | Syeikh Muhammad Idris Abdul Raof al-Marbawi |

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Bab ini menerangkan berkaitan dengan pengenalan kajian, masalah kajian, tujuan dan objektif kajian, definisi operasi terma, kepentingan kajian dan rumusan Bab 1.

1.1 Latar Belakang Kajian

Asmah (1987) menyatakan bahawa laras merupakan konsep yang merujuk kepada ragam sesuatu bahasa iaitu dari segi sistem dan struktur bahasa yang digunakan. Kajian oleh Wahab (2016) menjelaskan Laras bahasa merupakan satu bidang kajian di bawah cabang ilmu sosiolinguistik, iaitu bidang khusus yang mengkaji bahasa dan penggunaannya. Kamus Dewan Edisi Keempat (2005:893) mentakrifkan ‘laras bahasa’ sebagai variasi bahasa berdasarkan penggunaannya misalnya bahasa klasik, bahasa sains, agama dan lain lain.

Menurut Abdullah (2009), laras merujuk kepada variasi bahasa yang digunakan oleh orang-orang tertentu dalam keadaan-keadaan tertentu untuk tujuan berkomunikasi dalam satu-satu situasi atau peristiwa yang komunikatif.

Menurut Austin (1962:5), beliau mengatakan bahawa bahasa bukanlah untuk menerangkan mengenai dunia sahaja tetapi ujarannya boleh digunakan bagi menjalankan sesuatu sebagai tindakan performatif. Kajian ini akan menumpukan kepada laras bahasa agama. Secara umumnya, laras bahasa agama merujuk kepada kajian terhadap leksikal dalam bidang agama . Menurut Purwati et al (2004), laras bahasa keagamaan hendaklah diberikan perhatian kerana ilmu mengenai agama ini sangat penting dan dikatakan juga sebagai medium komunikasi melalui saluran

penyampaian dari segi pesanan iaitu berunsur keagamaan. Oleh itu, pengkajian berkaitan dengan laras bahasa agama ini sangat signifikan dalam pengkajian bahasa.

Dalam kajian ini, pengkaji akan memfokuskan kajian kepada leksikal dalam laras bahasa agama dan aspek morfologi menurut Teori Leech dan Short (1981) berdasarkan *Buku Muhammad insan paling sempurna pernah dilahirkan (MIPSPD)*. Menurut Halliday (1978), teks merupakan suatu proses pencarian makna yang dilakukan secara berterusan. Menurut Halliday dan Hasan (1976) pula, sesebuah bahasa itu terus berfungsi dan perkembangannya seiring dengan kemajuan apabila adanya penulisan teks. Menurut Kamaruddin (1993) dalam kajian Md Sallehuddin (2015), beliau mengatakan bahawa terdapat tiga ciri yang begitu penting dalam menghasilkan sebuah penulisan iaitu bahasa yang digunakan mudah untuk difahami, gaya penulisan yang jelas serta isi yang tepat serta berfakta.

1.2 Masalah kajian

Berdasarkan kajian lepas yang telah dianalisis, pengkaji mendapati bahawa kepelbagaian laras bahasa mempengaruhi aspek yang dikaji. Menurut Md Sallehuddin (2015), bahasa dan penggunaannya melambangkan corak pemikiran, perilaku dan segala perkara yang berkaitan dengan masyarakat.

Permasalahan kajian ini dapat dilihat apabila kurangnya penggunaan medium buku dalam pengkajian laras bahasa misalnya medium penyampaian maklumat yang digunakan lebih kepada akhbar, majalah, kamus, laman web resepi dan sebagainya. Sebagai bukti, kajian Md Sallehuddin (2015) lebih kepada penggunaan majalah *Aswaq* bahasa Arab dan kajian oleh Wahab (2016) pula lebih kepada akhbar. Oleh itu, jelaslah menunjukkan bahawa pengkajian mengenai laras bahasa kurang dikaji menggunakan medium buku, khususnya buku yang bersifat keagamaan.

Selain itu, aspek keterperincian laras bahasa agama juga kurang dianalisis. Hal ini menyebabkan kebanyakan masyarakat kurang mengetahui leksikal berkaitan dengan laras bahasa terutamanya laras bahasa agama. Hal ini dibuktikan melalui kajian yang dilakukan oleh Nasir dan Mat Teh (2021) yang mendesak supaya manusia perlu dididik sejak kecil lagi untuk mendalami ilmu keagamaan. Tambah Nasir dan Teh (2021), Islam amat mementingkan aspek pendidikan bermula daripada peringkat kanak-kanak.

Selain mengkaji aspek leksikalisasi, aspek tatabahasa yang lainnya juga turut diberi penekanan seperti morfologi. Hasil daripada tinjauan kajian lepas mendapati bahawa teori Leech dan Short (1981) amat menepati aspek yang dikaji dalam *buku Muhammad insan paling sempurna pernah dilahirkan (2020)*. Hal ini bertepatan dengan kajian Md. Sallehuddin (2015) yang menyatakan bahawa Teori Analisis linguistik Leech dan Short(1981) mempunyai empat kategori yang diketengahkan iaitu berkaitan dengan kategori leksikal, tatabahasa, keindahan bahasa dan ketenunan (kohesi) dan konteks. Namun begitu, pengkaji hanya memfokuskan kepada dua kategori iaitu dari aspek leksikal dan aspek morfologi.

1.3 Tujuan dan objektif kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneliti laras bahasa agama dalam buku *Muhammad insan paling sempurna pernah dilahirkan(MIPSPD)(2020)*. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji berlandaskan kepada dua objektif yang utama iaitu :

1. Mengenal pasti leksikal laras bahasa agama dalam buku MIPSPD
- 2 .Menganalisis laras bahasa agama dari aspek morfologi menggunakan Teori Leech & Short (1981).

1.4 Definisi Operasional Terma

Dalam konteks kajian ini, pengkaji akan menghuraikan definisi operasional terma bagi leksikal, laras bahasa atau laras bahasa agama, morfologi dan Teori Leech dan Short (1981).

1.4.1 Leksikal

Menurut Keraf (2007), pilihan kata atau leksikal bukan saja untuk menyatakan kata-kata yang dipakai dalam mengungkapkan suatu idea atau gagasan, tetapi juga meliputi persoalan fraseologi, gaya bahasa, dan ungkapan.. Menurut Abdullah (2009), leksikal dan genre merupakan unsur yang bertindan kerana kedua-duanya merujuk kepada ragam yang berkaitan dengan situasi penggunaan bahasa. Menurut Kamus Dewan Edisi Kedua (1999), leksikal merujuk kepada perkataan yang mempunyai maksud atau erti yang tertentu dalam sesuatu bidang ilmu. Menurut Kamus Linguistik (1997), leksikal merujuk kepada kata yang mempunyai makna yang khusus dalam bidang tertentu. Dalam kajian ini, pengkaji akan mengenal pasti leksikal dalam laras bahasa agama. Selain itu, pengkaji juga turut menganalisis aspek morfologi dari aspek pembentukan kata iaitu kata terbitan imbuhan awalan sahaja, kata ganda tanpa imbuhan, kata majmuk dan kata tunggal dalam buku yang dikaji menggunakan Teori Leech dan Short(1981).

1.4.2 Laras bahasa agama

Purwati et al (2004) menjelaskan bahawa laras bahasa keagamaan merupakan suatu ilmu mengenai agama yang sangat penting dan dikatakan juga sebagai medium komunikasi melalui saluran penyampaian dari segi pesanan iaitu berunsur keagamaan. Abdullah (2009) menerangkan bahawa laras ialah aras ekspresi atau pengucapan

sesuatu genre dan aras kandungan bagi sesuatu bahasa. Tambah Abdullah (2009) lagi, laras itu dihubungkan dengan situasi komunikasi yang kerap kali terjadi berulang-ulang dalam masyarakat serta dikatakan juga sebagai variasi bahasa yang sejajar dengan dialek, slanga, jargon, bahasa agama, bahasa sastera dan sebagainya. Menurut Kamus Dewan Edisi Kedua (1999), Laras merujuk kepada kepadanan, kesesuaian dan kesamaan.

1.4.3 Morfologi

Menurut Omar (1993) dalam Shamsuddin (2012), morfologi merujuk kepada peninjauan linguistik yang menitikberatkan hubungan antara morfem-morfem dan varian morfem. Purwati et al. (2004) mendefinisikan morfologi sebagai suatu proses pembentukan kata yang melibatkan pengguguran dan imbuhan prefix pada suatu perkataan. Zulkifli (2017) pula mentafrikan morfologi sebagai bidang bahasa yang mengkaji perkataan dari segi struktur, bentuk dan pergolongan kata. Struktur kata yang dimaksudkan merujuk kepada susunan bentuk bunyi ujaran atau kosa kata yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Oleh itu, Pengkaji akan meneliti penggunaan aspek morfologi iaitu kata tunggal, kata terbitan imbuhan awalan, kata ganda tanpa imbuhan dan kata majmuk serta leksikal laras agama yang digunakan dalam *buku Muhammad insan paling sempurna pernah dilahirkan* (2020).

1.4.4 Teori Leech dan Short (1981)

Menurut kajian Md Sallehuddin (2015), pendekatan Leech dan Short (1981) dalam bukunya yang bertajuk 'Gaya Cereka dalam Prosa' adalah lebih kepada aspek tatabahasa dan leksikal serta aspek keindahan bahasa yang digunakan. Dalam Teori Leech dan Short (1981), terdapat empat kategori yang diperkenalkan iaitu leksikal, tatabahasa, keindahan bahasa dan ketenunan dan

konteks. Namun begitu, dalam kajian ini akan memfokuskan kepada aspek leksikal bagi menjawab objektif yang pertama dan aspek morfologi mengikut Teori Leech dan Short (1981) untuk menjawab objektif yang kedua.

1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah untuk menjelaskan kepada masyarakat mengenai laras bahasa agama dan aspek yang difokuskan dalam buku *Muhammad insan paling sempurna pernah dilahirkan*. Menurut Abdullah (2009), aspek keagamaan begitu penting dalam kehidupan dan mendalami ilmu keagamaan serta mempraktikkannya merupakan amalan bagaimana menuju kepada Allah S.W.T. dan mendekati diri kepada-Nya. Sebagai contoh, dalam kajian lepas yang dianalisis, terdapat kajian berkaitan dengan laras bahasa agama misalnya kajian oleh Latif et al (2018), Nasir dan Mat Teh (2021), Abdullah (2009), Azmi dan Husin (2017), Wahab (2010), Firdaus (2019) dan Fakhruroji, Rustandi & Busro (2020).

Kekurangan kajian mengenai laras agama akan menyebabkan masyarakat tidak peka terhadap tatabahasa laras bahasa agama, maka aspek tatabahasa dalam laras agama tidak akan diberi penekanan oleh masyarakat. Pengabaian kajian seperti ini boleh menyebabkan lebih ramai pembaca atau golongan ilmuan lalai dalam mengingati pentingnya ilmu agama dalam kehidupan seharian.

Kajian ini juga akan membantu pengkaji lain dalam penyelidikan yang akan datang sebagai bahan ilmiah sokongan. Selain itu, kajian ini dapat membantu para penyelidik yang berminat dalam mengkaji aspek laras bahasa agama. Misalnya dalam kajian Abdullah (2009), beliau berminat dalam mengkaji laras agama dengan menggunakan empat buah buku yang berlandaskan agama untuk menjalankan kajian beliau. Beliau menyeru agar kajian berkaitan dengan laras agama ini diperbanyakkan

untuk kegunaan masa akan datang.

1.6 Rumusan

Kesimpulannya, melalui kajian ini, kita berupaya menaikkan martabat bahasa dengan mengkaji pelbagai laras bahasa terutamanya laras bahasa agama agar pengkajian terhadap laras bahasa tidak dilupakan dan pembaikan dalam kajian juga dapat dilakukan. Oleh itu, pengkaji mengambil pendekatan Teori Leech dan Short (1981) untuk menganalisis buku MIPSPD ini dari aspek tatabahasa iaitu di bawah morfologi yang membincangkan berkaitan dengan pembentukan kata (kata tunggal, kata terbitan, kata majmuk dan kata ganda).

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pendahuluan

Bab ini menerangkan beberapa kajian lepas yang telah dilakukan mengenai laras bahasa agama. Antaranya ialah kajian oleh Md. Sallehuddin (2015), kajian oleh Wahab (2016), Zulkifli (2017), Latif et al (2018), Nasir dan Mat Teh (2021), Abdullah (2009), Azmi dan Husin (2017), Wahab (2010), Firdaus (2019) dan kajian oleh Fakhruroji, Rustandi dan Busro(2020).

2.1 Tinjauan kajian lepas

Objektif kajian Md Sallehuddin (2015) ialah mengenal pasti leksikal khusus dan kekerapan penggunaan berkaitan dengan laras bahasa ekonomi yang terdapat dalam majalah *Aswaq* bahasa Arab. Selain itu, objektif kajian ini juga mengenal pasti makna denotasi dan konotasi bagi leksikal ekonomi bahasa Arab yang digunakan dalam majalah *Aswaq* bahasa Arab serta menganalisis pembentukan leksikal dalam laras ekonomi bahasa Arab yang digunakan dalam majalah *Aswaq* bahasa Arab.

Pengkaji menggunakan dua kaedah iaitu kaedah kualitatif yang bersifat deskriptif dan kaedah kuantitatif. Bagi metodologi kuantitatif, pengkaji mengira bilangan dan kekerapan leksikal secara manual. Bilangan dan kekerapan leksikal dikumpul mengikut statistik serta dinyatakan dalam bentuk peratusan. Statistik yang digunakan adalah untuk melihat corak berdasarkan leksikal yang dikumpul antara kategori leksikal dan golongan kata. Secara umumnya, metodologi yang digunakan dalam kajian ini mempunyai tiga komponen utama iaitu kaedah penentuan subjek, pengumpulan data dan menganalisis data. Dalam kajian pengkaji pula, akan mengaplikasikan Teori Analisis linguistik Leech dan Short(1981) yang memfokuskan kategori leksikal dan tatabahasa. Terdapat empat kategori yang diketengahkan oleh

Leech dan Short (1981) iaitu berkaitan dengan kategori leksikal, tatabahasa, keindahan bahasa dan ketenunan (kohesi) dan konteks. Namun begitu, pengkaji hanya memfokuskan kepada dua kategori iaitu dari aspek leksikal dan aspek morfologi. Oleh itu, dalam kajian ini, tumpuan akan difokuskan kepada teori yang digunakan untuk diadaptasikan ke dalam kajian pengkaji.

Kajian oleh Wahab (2016) bertujuan untuk meneliti laras bahasa kesihatan bahasa Arab dalam akhbar Jazeera.net. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti leksikal-leksikal khusus yang digunakan dalam laras bahasa kesihatan dalam akhbar al-Jazeera.net. Objektif yang kedua adalah untuk menentukan leksikal-leksikal kata pinjaman yang diserap ke dalam laras bahasa kesihatan dalam akhbar al-Jazeera.net dan asal usul serta kekerapannya. Objektif yang ketiga pula adalah untuk menganalisis struktur morfo-fonologi leksikal berbentuk kata pinjaman dalam laras bahasa kesihatan dalam akhbar al -Jazeera.net.

Kajian ini berbentuk kualitatif deskriptif. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji menggunakan teori laras bahasa bagi mengenal pasti leksikal-leksikal laras bahasa kesihatan dalam artikel yang dikaji. Pengkaji menggunakan teori yang dikemukakan oleh Leech & Short (1981) sebagai kerangka utama kajian dan kaedah pendekatan S. Nathesan (1995) dan Syahirah Almuddin (2012) dalam mengukuhkan lagi proses penganalisan data. Dalam teori Leech & Short (1981), aspek leksikal dan tatabahasa sahaja diguna pakai. Instrumen kajian ini adalah berkaitan dengan apakah leksikal khusus yang digunakan dalam laras bahasa kesihatan dalam akhbar al-Jazeera.net, leksikal-leksikal kata pinjaman yang diserap ke dalam laras bahasa kesihatan dalam akhbar al-Jazeera.net dan asal usul serta kekerapannya dan bagaimana struktur morfo-fonologi berlaku terhadap leksikal berbenrtuk kata pinjaman dalam laras bahasa kesihatan dalam akhbar yang dikaji.

Hasil kajian mendapati bahawa menurut Teori Leech & Short (1981), aspek leksikal diberi penekanan iaitu terdiri daripada kata nama dan kata kerja manakala aspek tatabahasa pula memfokuskan kepada kata frasa.

Kesimpulannya, daripada keseluruhan 190 leksikal yang dikeluarkan daripada kajian, majoriti leksikal yang digunakan ialah kata nama iaitu sebanyak 89 leksikal atau 47% daripada keseluruhan data yang dikaji diikuti kata frasa iaitu sebanyak 69 kata bersamaan 36% dan kata kerja hanya 32% bersamaan 17%.Tuntasnya, kajian ini membantu pengkaji dari aspek kaedah yang digunakan lebih-lebih lagi objektif kajian yang dilakukan oleh Wahab (2016) ini mempunyai kaitan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji.

Kajian oleh Zulkifli (2017) berobjektifkan untuk menghuraikan dan menjelaskan penggunaan laras resepi di laman web my resepi.com mengikut teori pendekatan Ure dan Ellis(1977). Objektif yang kedua ialah mengenal pasti dan menganalisis ciri-ciri keperihalan dan mengenal pasti dan menganalisis ciri-ciri linguistik. Metodologi yang digunakan ialah kaedah kuantitatif melalui temu bual.

Hasil kajian mendapati bahawa pengkaji dapat menjelaskan penggunaan laras resepi dari segi ciri-ciri keperihalan dan ciri linguistik dalam laras resepi dengan mudah dan senang. Dalam analisis kajian ini, dapat dilihat bahawa laras resepi mempunyai ciri-ciri tertentu yang berbeza dengan ciri dengan laras bahasa yang lain. Menurut Ure dan Ellis (1977), laras ialah jenis bahasa yang digunakan mengikut situasi yang berlainan. Dalam ciri linguistik, aspek kosa kata, aspek ayat dan aspek ketenunan diberi penekanan. Melalui kajian ini, pengkaji dapat membandingkan teori yang digunakan oleh Zulkifli (2017) dengan teori yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian yang dilakukan.

Kajian oleh Latif et al. (2018) berobjektifkan kepada menerokaan terhadap